

Exco baru Melaka angkat sumpah Rabu

UM - 7 DEC 1999

Oleh SOPHA SULAIMAN

MELAKA 6 Dis. — Majlis mengangkat sumpah jawatan anggota Exco kerajaan negeri yang baru akan diadakan Rabu ini di hadapan Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin di Istana Melaka.

Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd. Ali Rustam berkata, senarai nama anggota Exco dan portfolio masing-masing akan hanya diumumkan secara rasmi pada hari tersebut.

Menurutnya, beliau mengemukakan senarai nama anggota Exco itu untuk pertimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad petang ini.

Beliau juga akan mengemukakan laporan mengenai keputusan pilihan raya umum bagi negeri ini pada pertemuan tersebut.

Ketua Menteri menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Penghayatan Ramadan dan Cabaran Ummah

Menjelang Alaf Baru, di Auditorium Al-Azim di sini, hari ini.

Sementara itu, kata Mohd. Ah, kuota anggota Exco negeri ini antara parti komponen Barisan Nasional (BN) akan kekal walaupun Ahli Dewan Undangan Negeri Duyong, Datuk Wira Can Boon Leong menyatakan hasrat untuk tidak lagi dipilih sebagai Exco.

“Kita akan timbang hasrat beliau (Gan) dan calon yang sesuai untuk menggantikannya,” kata Mohd. Ah.

Semalam Gan menyatakan, beliau mencadangkan kepada Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik supaya tempatnya diambil alih oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Ayer Keroh, Datuk Seah Kwi Tong.

Mengenai barisan Exco baru, Mohd. Ali menyatakan ia merupakan campuran antara muka lama dan baru, tetapi belum dapat memastikan siapa Exco lama yang akan digugurkan.

Beliau juga meminta setiap Ahli

Dewan Undangan Negeri BN membuat post mortem mengenai prestasi pilihan raya lalu bagi kawasan masing-masing untuk dikemukakan kepada mesyuarat BN dan Perhubungan UMNO negeri.

Dalam perkembangan lain, beliau meminta wakil-wakil rakyat meneruskan tugas mereka untuk berjumpa rakyat walaupun kerajaan negeri belum dibentuk.

Mengenai kekalahan BN di Bachang, beliau berkata, rakyat di kawasan itu masih boleh menyuarakan permohonan dan masalah mereka kepada Jawatankuasa Penyelidikan UMNO Dewan Undangan Negeri berkenaan atau kepada Pengerusi Gerakan Negeri, Datuk Chua Peng Song.

Pada pilihan raya lepas, Chua gagal mempertahankan kerusi Bachang apabila tewas kepada calon DAP dengan kelebihan 41 undi sahaja.